

10 OCT 1998

Mahathir-bidas

DR MAHATHIR BIDAS PENYOKONG ANWAR DAPATKAN SIMPATI LUAR NEGARA

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang sayangkan negara mereka tidak akan mengutuknya di luar negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya mereka yang melakukan perkara itu "menconteng diri mereka dengan kekotoran".

"Orang ini macam ludah ke langit jatuh atas muka sendiri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran reka bentuk dan teknologi Industri di Pusat Persidangan Sunway Pyramid dekat sini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan bahawa segelintir penyokong bekas Timbakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah pergi ke luar negara untuk mendapatkan simpati untuk Anwar.

Ditanya sama ada tindakan mereka itu boleh dianggap sebagai khianat, Perdana Menteri berkata "Saya tidak tahu mengenai khianat tetapi saya berpendapat mereka yang sayang kepada negara mereka tidak akan melakukannya."

Katanya sekiranya mereka ada masalah di negara ini, ia perlu diselesaikan di negara ini.

"Anda tidak boleh berpergian untuk mengutuk negara anda sendiri kepada orang lain," katanya.

Ditanya sama ada tindakan akan diambil terhadap mereka, beliau berkata tidak ada apa yang boleh dilakukan kecuali mereka melanggar undang-undang.

Mengenai kejayaan Malaysia menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Dr Mahathir berkata beliau gembira khususnya kerana Malaysia mendapat jumlah undi yang paling banyak.

Ditanya mengenai peranan yang akan dimainkan oleh Malaysia, beliau berkata Malaysia akan berpegang kepada fakta dalam membuat apa-apa komen.

"Kita tidak akan berat sebelah, kita akan berpegang kepada prinsip kita dan kita bebas dari semua pengaruh... kita akan membuat komen yang adil," katanya.

--BERNAMA

AZZ WAT